



JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA
(Department of Fisheries Malaysia
Ministry of Agriculture & Agro-Based Industry Malaysia)
ARAS 1-6, BLOK 4G2, WISMA TANI
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62628 PUTRAJAYA.

No. Telefon : 03-8000 8000
No. Faks : 03-8889 5490
Emel : pro@dof.gov.my
Laman Web : <http://www.dof.gov.my>

KENYATAAN MEDIA

HARI BERTEMU PELANGGAN

KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI

PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG

12 MAC 2019 : 2:30 PETANG : FRI BATU MAUNG, PULAU PINANG

1. Hari Bertemu Pelanggan merupakan salah satu **program khusus** Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani (MOA) dan **kali ini dianjurkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) bagi peringkat Negeri Pulau Pinang**. Ianya dilaksanakan bagi menawarkan perkhidmatan kerajaan yang holistik dan berkualiti demi untuk membantu nelayan, penternak ikan, pengusaha perikanan dan kumpulan sasaran.
2. Konsep bertemu pelanggan adalah melalui **sesi interaksi bersama kumpulan sasaran, khidmat nasihat teknikal, sistem aduan dalam talian dan pelanggan boleh datang terus ke pejabat** untuk membantu menyelesaikan permasalahan dan memudahcara perkara yang dilaksanakan oleh kumpulan sasaran.
3. Peranan agen pengembangan amatlah penting **sebagai penghubung antara pihak Kerajaan dan kumpulan sasaran** di lapangan agar maklumat dan misi transformasi dapat disampaikan dengan cekap dan berkesan.
4. DOF komited untuk mentransformasi industri perikanan negara bagi mencapai tiga objektif utama iaitu **menjamin keselamatan bekalan makanan, menjadikan industri perikanan berdaya saing** dan mampan dan sebagai satu perniagaan serta **meningkatkan pendapatan** kumpulan sasaran.
5. DOF mengadakan Hari Bertemu Pelanggan **pada hari Rabu di setiap minggu** untuk membantu nelayan, penternak ikan, pengusaha perikanan dan kumpulan sasaran yang **merupakan benteng pertahanan keselamatan**

makanan negara malah menyabung nyawa membekalkan sumber makanan asas untuk rakyat Malaysia.

6. Dalam mengatasi **isu dan cabaran yang rumit** di dalam sektor perikanan, **Model Strategik** diterajui pihak swasta dan berasaskan komuniti (**private driven& community based**) akan dilaksanakan dengan melibatkan golongan muda dan juga persatuan (cooperative program), bertujuan untuk mengeluarkan kumpulan sasar dari **persepsi kemiskinan**.
7. Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani, komited secara langsung bagi **menyediakan satu platform** kepada pihak industri dan pihak-pihak berkepentingan untuk menghasilkan *outcome* yang menjana ekonomi Negara melalui pendekatan kerjasama sinergi bersama agensi penggalak pelaburan dan pembangunan kapasiti di dalam kalangan teknopreneur.
8. **Nelayan** diseru untuk mengamalkan aktiviti penangkapan ikan secara lestari serta mempunyai rasa tanggungjawab untuk memastikan ekosistem perikanan dipelihara sebaiknya demi kesinambungan generasi yang akan datang. **Pengusaha akuakultur** juga perlu mengamalkan amalan akuakultur yang bertanggungjawab dan mesra alam serta sentiasa mematuhi peraturan-peraturan semasa yang ditetapkan oleh agensi/jabatan terlibat.

####

Unit Komunikasi Korporat

Jabatan Perikanan Malaysia

12 Mac 2019 (Selasa)

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel : 012-356 9344 (Yazeereen) : 013-631 7313 (Mohd Sharir)

Email : ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my